BAB 5 Pelancongan

Kemahiran Bertulis

A Sistem Bahasa

Kata Hubung

Nota SMART

1. Kata hubung berfungsi untuk menghubungkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa, dan ayat dengan ayat untuk membentuk ayat berlapis atau ayat majmuk.
2. Kata hubung terbahagi kepada:
   (a) **Kata hubung gabungan**
   - Menghubungkan dua atau lebih ayat yang sama tara sifatnya.
   - Contohnya, *dan, atau, tetapi, lalu, sambil, seraya, kemudian, malahan*, tetapi, serta, kecuali, mahupun, dan sebagainya.

   (b) **Kata hubung pancangan**
   - Menggabungkan ayat kecil pada ayat besar yang tidak setara sifatnya.
   - Contohnya, *kerana, supaya, jika, kalau, semasa*, yang, bahawa, apabila, manakala, sementara, walaupun, hingga, setelah, sebelum, dan sebagainya.

   (c) **Kata hubung berpasangan**
   - Digunakan secara berpasang-pasang dalam ayat majmuk gabungan.
   - Contohnya, *baik ... mahupun, daripada ... lebih baik, jangankan ... pun, walaupun ... tetapi, sedangkan ... inikan pula, sama ada ... atau*, dan sebagainya.

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Para pengunjung dapat melihat banyak ikan kelah _____ menyeberangi sungai-sungai di Air Terjun Sungai Chiling.
   A seraya
   B sambil
   C semasa
   D sekiranya

2. Dayana sangat teruja _____ melihat keunikan kelip-kelip di Kampung Kuantan.
   A untuk
   B kerana
   C jikalau
   D sejak

3. Hotel tempat kami menginap sangat cantik _____ terletak di persisiran pantai.
   A dan
   B jika
   C kerana
   D malahan

4. Kami berbasikal _____ menghirup udara segar dan menikmati pemandangan yang indah di Taman Botani Negara Shah Alam.
   A dan
   B lalu
   C sambil
   D sementara

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 5 – 8

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B**, *atau* **C** *dan jika* **tiada kesalahan** *telah ditandakan dengan* **D**.

5. Apabila (A) bercuti di Pulau Redang, saya dan (B) abang telah dibawa untuk (C) melihat keindahan batu karang. Tiada kesalahan. (D)

6. Ahli Persatuan Sejarah mungkin akan ke Kedah lalu (A) ke Melaka untuk (B) program lawatan sambil (C) belajar. Tiada kesalahan. (D)

7. Pelancongan kesihatan ialah aktiviti individu atau (A) pesakit yang (B) melancong untuk (C) mendapatkan rawatan atau perkhidmatan kesihatan. Tiada kesalahan. (D)

8. Sarah berharap agar (A) ibu bapanya membenarkannya untuk (B) bercuti di Kelantan bersama-sama Ainina atau (C) Melissa. Tiada kesalahan. (D)

Praktis PT3 Bahagian B

Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini supaya menjadi **satu** *ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.*

1. Mariana akan melancong ke Sabah pada cuti persekolahan nanti.
   Mastura akan melancong ke Sabah pada cuti persekolahan nanti.

   _____

2. Kamu menaiki feri ke Pulau Langkawi?
   Kamu menaiki kapal terbang ke Pulau Langkawi?

   _____

3. Amira terpegun.
   Amira melihat keindahan Pulau Sipadan.

   _____

4. Encik Kamal dan keluarganya menginap di sebuah *chalet*.
   Chalet itu terletak di tepi pantai.

   _____

5. Darren terpaksa berenang.
   Sampan yang dinaikinya karam.

   _____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS